

'Najib didapati bersalah sebelum didakwa'

Kuala Lumpur: Kabinet Pakatan Harapan (PH) sudah mendapati Datuk Seri Najib Razak bersalah sebelum beliau didakwa di mahkamah atas pertuduhan membatik penyelewengan dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Perkara itu dinyatakan Peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah ketika menyoal balas bekas Ketua Audit Negara, Tan Sri Dr Madinah Mohamad, pada perbicaraan terhadap Najib dan bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1MDB, Arul Kanda Kandasamy dalam kes pindaan terhadap laporan akhir pengauditan 1MDB di Mahkamah Tinggi, semalam.

Muhammad Shafee berkata, melalui taklimat diberikan Madinah pada mesyuarat pasca Kabinet pada 23 November 2018, ia dihadiri pemimpin PH yang 'tidak mesra' Najib, antaranya Tun Dr Mahathir Mohamad, Lim Guan Eng, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan Mohamad Sabu.

Peguam itu berkata, Najib didakwa di mahkamah dua minggu selepas itu iaitu pada 12 Disember dan mencadangkan, bahawa disebabkan taklimat oleh Madinah itu, Kabinet memutuskan Najib sudah bersalah sebelum dia didakwa di mahkamah.

Pada peringkat itu, Madinah meminta izin daripada Hakim Mohamed Zaini Mazlan untuk memberikan penjelasan, bagaimanapun diminta menjawab soalan itu dan boleh memberikan penjelasan kemudian pada peringkat pemeriksaan semula.

Berikutan itu, Madinah menjawab: "Berdasarkan minit mesyuarat, ya."

Sementara itu, Madinah berkata, Ketua Audit Negara sebelumnya, iaitu Tan Sri Ambrin Buang enggan berkongsi pandangannya berhubung isu membatik 1MDB ketika mengadakan pertemuan dengan Ambrin di pejabatnya (Madinah) sebelum mengambil alih tugas pada 2017.

Madinah berkata, beliau mahu memahami apakah pandangan akhir Ambrin kerana ia membatik kepentingan negara, selain mendengar, sama ada terdapat amanat yang hendak disampaikan kerana pada masa itu tiada majlis penyerahan jawatan.

"Pada masa itu, isu 1MDB hangat diperkatakan seluruh dunia dan orang menyatakan bahawa Jabatan Audit Negara (JAN) menyediakan laporan dan ia diajukan kepada saya.

"Jadi, saya mahu memahami pendirian Ambrin mengenai hal ini, tetapi beliau agak keberatan

untuk berkongsi. Saya rasa beliau tidak mahu berkongsi.

"Saya bertanya apa yang terdapat dalam laporan itu, terutama yang mengaitkan Perdana Menteri dan apakah pembabitkan Perdana Menteri. Beliau (Ambrin) beritahu tidak boleh sahkan," katanya.

Muhammad Shafee kemudian mencadangkan bahawa Madinah tidak pernah bersemuka dengan Ambrin untuk mendapatkan penjelasan mengenai dua versi laporan audit 1MDB.

Saksi menjelaskan, beliau percaya tidak ada keperluan untuk berbuat demikian kerana terkejut dan adalah tidak menyenangkan untuk bertanya perkara yang sudah berlaku.

Madinah bagaimanapun tidak bersetuju dengan cadangan peguam bahawa beliau tidak bertindak adil dan tidak jujur kerana tidak membawakan perkara itu kepada perhatian Najib.

Saksi juga tidak bersetuju dengan cadangan bahawa beliau tidak berbuat demikian kerana ia ada kaitan dengan tempoh perkhidmatannya sebagai Ketua Audit Negara.

Muhammad Shafee kemudian mencadangkan beliau berjumpa Dr Mahathir untuk melindungi pekerjaannya dan menjadi seperti Tim-

balan Pengarah Audit ketika itu, Datuk Nor Salwani Muhammad.

Nor Salwani sebelum ini memberikan keterangan bahawa beliau meletakkan perakam suara dalam bekas pensel tanpa pengetahuan sesiapa ketika mesyuarat penyelarasan Laporan Pengauditan 1MDB pada 2016.

Perakam dalam bekas pensel milik wakil JAN iaitu Saadatul Nafisah Bashir Ahmad, itu kemudian merakam suara berdurasi dua jam 45 minit.

Nor Salwani menjelaskan, beliau memasukkan perakam itu ke dalam bekas pensel kerana perlu mendapatkan minit mesyuarat penyelarasan laporan audit 1MDB berkenaan.

Najib, 68, didakwa menggunakan kedudukannya untuk mengarahkan pindaan dilakukan terhadap laporan akhir pengauditan 1MDB sebelum dibentangkan kepada PAC untuk mengelakkan sebarang tindakan diambil terhadapnya.

Arul Kanda, 45, pula didakwa bersubahat dengan Najib dalam membuat pindaan itu bagi melindungi Ahli Parlimen Pekan itu daripada tindakan tatatertib, sivil atau jenayah berkaitan 1MDB.

Perbicaraan di hadapan Hakim Mohamed Zaini Mazlan bersambung hari ini.